

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TONY PUA KIAM WEE [ DAMANSARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah jaminan yang telah diberikan secara langsung dan tidak langsung oleh Kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan, termasuk Bank Negara dalam program-program menghadapi ancaman COVID-19. Apakah nilai dan tahap penggunaan (take up rate) untuk setiap program jaminan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rangka Kerajaan membantu perniagaan menghadapi ancaman Covid-19, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan inisiatif bagi tujuan tersebut. Program dan inisiatif tersebut telah diumumkan dalam pakej-pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA.
2. Bagi membantu syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan telah menyediakan Skim Jaminan Modal Kerja, Skim Jaminan Automasi dan Digital, Skim Jaminan Kerajaan – PRIHATIN dan Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sebagai agensi pelaksana.

3. Sehingga 30 September 2020, jumlah had bagi 4 skim jaminan tersebut adalah sebanyak RM26.5 bilion. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian adalah sebanyak RM25.46 bilion atau bersamaan 96.1% daripada keseluruhan had skim, manakala jumlah jaminan yang telah diluluskan pula adalah sebanyak RM18.84 bilion.
4. Selain daripada itu, Kerajaan juga turut menyediakan Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah pelaksanaan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) bertujuan untuk menyediakan jaminan kepada institusi-institusi kewangan untuk membolehkan orang awam yang berkemampuan tetapi tidak mempunyai bukti atau dokumen pendapatan secara rasmi (penyata gaji) untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan terpilih. Sehingga 30 September 2020, sejumlah 8,805 akaun peminjam dengan jumlah pembiayaan perumahan sebanyak RM742,461,786.40 telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian. Keseluruhan pembiayaan perumahan ini dijamin oleh SJKP.
5. Selain itu, Kerajaan turut menyediakan Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (SJPD) bernilai RM50 bilion yang bertujuan untuk menyediakan jaminan kewangan bagi membolehkan syarikat-syarikat yang berdaya maju dari segi kewangan untuk mendapatkan akses pembiayaan daripada pasaran. Sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 21 permohonan pembiayaan berjumlah RM1.03 bilion telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian di mana jaminan yang diluluskan oleh Kerajaan melalui Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) adalah sebanyak RM773 juta.

Sekian, terima kasih.